

# Dr. M terima tanding dua jawatan

5 JUN 2001

**KUALA LUMPUR, Khamis.** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad setakat ini dikatakan menerima dua pencalonan untuk awatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO Malaysia.

Berita Harian mendapat tahu. Timbalan Perdana Menteri telah menahantar jawapan menerima pencalonan itu kepada Ibupejabat UMNO Malaysia minggu lepas.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir diramalkan akan menarik diri bagi jawatan Timbalan Presiden dan hanya bertanding bagi jawatan Presiden yang dikosongkan oleh Datuk Hussein Onn.

Sehingga pencalonan ditutup Isnin lepas, tiga tokoh dicalonkan untuk jawatan nombor satu itu — seorang telah memberi jawapan menerima pencalonan, seorang menolak dan seorang memberi jawapan.

lam perhimpunan agung parti tersebut 26 Jun ini.

Sebanyak 34 Bahagian dari 42 Bahagian yang mengadakan mesyuarat selepas pengumuman Datuk Hussein Onn tidak bertanding untuk jawatan Presiden parti itu mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir bagi jawatan tersebut.

Dari baki 8 Bahagian lagi, 6 Bahagian masih mencalonkan Datuk Hussein Onn termasuk Bahagian Sri Gading, manakala 11 dari 66 Bahagian yang mencalonkan Datuk Hussein sebelum 15 Mei, mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pengganti.

Ini termasuk lapan dari 12 Bahagian UMNO di Kelantan mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden.

Sementara itu, empat tokoh dicalonkan bagi jawatan Timbalan Presiden — seorang telah memberi jawapan menerima pencalonan, seorang bersetuju bertanding dan tiga lagi belum.